

SOALAN LAZIM BANTUAN MORATORIUM BANJIR

Sepertimana yang kita semua sedia maklum, beberapa kawasan di negara kita telah terjejas teruk akibat bencana banjir pada penghujung bulan Disember 2020. Bank Pertanian Malaysia Berhad ("Bank") mengambil langkah proaktif dalam membantu pelanggan merancang komitmen pembiayaan mereka menerusi program bantuan pengurusan kewangan dengan menawarkan Bantuan Moratorium Banjir.

BANTUAN MORATORIUM BANJIR		
NO.	SOALAN	JAWAPAN
1	Apakah Bantuan Moratorium Banjir?	Bantuan Moratorium Banjir adalah kemudahan bantuan khas yang ditawarkan oleh Bank kepada pelanggan Bank yang menghadapi kesukaran meneruskan pembayaran pembiayaan mereka akibat terkesan dengan bencana banjir yang berlaku.
2	Apakah bantuan yang ditawarkan oleh Bank di bawah Bantuan Moratorium Banjir?	- Antara bantuan yang ditawarkan adalah:- - Penangguhan sementara bayaran ansuran bulanan untuk tempoh sehingga enam (6) bulan (Moratorium). - Penjadualan dan penstrukturan semula bayaran pembiayaan (R&R).
3	Apakah syarat kelayakan Bantuan Moratorium Banjir?	- Syarat kelayakan Bantuan Moratorium Banjir:- - Pelanggan sedia ada Bank yang terjejas berikutan bencana banjir; - Akaun pembiayaan pelanggan masih belum tamat tempoh/matang; - Pelanggan mestilah tinggal di kawasan yang berlakunya banjir dan termasuk dalam senarai kawasan yang terkesan sepertimana yang diisytiharkan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara/Negeri dan Majlis Keselamatan Negara Malaysia; - Pembiayaan pelanggan mestilah tidak mempunyai baki tunggakan melebihi 90 hari dari tarikh permohonan dibuat.
4	Apakah jenis pembiayaan yang ditawarkan di bawah Bantuan Moratorium Banjir?	- Penangguhan sementara bayaran ansuran bulanan untuk tempoh sehingga enam (6) bulan (Moratorium):- - Hanya jenis pembiayaan yang berkonsepkan pembiayaan berjangka sahaja ditawarkan di bawah Bantuan Moratorium Banjir kecuali pembiayaan peribadi (Agrocash-i) - Penjadualan dan penstrukturan semula bayaran pembiayaan (R&R):- - Kesemua jenis pembiayaan kecuali pembiayaan peribadi (Agrocash-i)

5	Adakah bantuan Moratorium Banjir ini akan memberi kesan kepada laporan CCRIS pelanggan?	Tidak.
6	Bilakah permohonan Bantuan Moratorium Banjir boleh mula dibuat?	Pelanggan boleh memohon Bantuan Moratorium Banjir bermula 27 Januari 2021.
7	Bagaimanakah cara untuk memohon Bantuan Moratorium Banjir?	- Pelanggan boleh menghubungi Bank melalui saluran komunikasi rasmi seperti berikut:- - Menghubungi Bank melalui saluran komunikasi rasmi iaitu Pusat Panggilan Agrobank di talian 1-300-88-2476; atau - Kunjungi cawangan Agrobank yang berdekatan.
8	Apakah kesan kepada pembiayaan sedia ada pelanggan jika pelanggan memilih untuk menyertai Bantuan Moratorium Banjir ini?	- Antara kesannya adalah:- - Ansuran bulanan, kadar keuntungan Bank dan/atau tempoh pembiayaan mungkin akan berubah; - Keuntungan masih lagi dikenakan ke atas pembiayaan pelanggan; - Perjanjian Pembiayaan baharu perlu ditandatangani selaras dengan keperluan undang-undang dan pematuhan syariah; - Jumlah keseluruhan pembiayaan akan bertambah / berubah berbanding dengan perjanjian pembiayaan asal.
9	Bagaimanakah permohonan bagi pelanggan yang mempunyai lebih daripada satu akaun/jenis pembiayaan?	Pelanggan yang mempunyai lebih daripada satu akaun/jenis pembiayaan di Bank hanya perlu membuat permohonan sekali sahaja. Permohonan akan diproses oleh pihak Bank bagi kesemua akaun pembiayaan pelanggan.
10	Adakah pelanggan yang sudah menerima bantuan yang ditawarkan oleh Bank terdahulu (seperti Bantuan Bayaran Pembiayaan Bersasar bagi kategori B40 dan Pembiayaan Mikro-i serta pelanggan kategori M40 yang telah lulus permohonan penjadualan dan/atau penstrukturkan pembiayaan) layak untuk memohon Bantuan Moratorium Banjir?	Ya. Pelanggan yang terjejas dengan banjir layak untuk memohon Bantuan Moratorium Banjir meskipun telah menerima mana-mana bantuan yang ditawarkan oleh Bank terdahulu. Sekiranya permohonan pelanggan di bawah Bantuan Moratorium Banjir diluluskan (tertakluk kepada terma dan syarat), bantuan moratorium/pengurangan ansuran bulanan sedia ada akan digantikan dengan Bantuan Moratorium Banjir iaitu penangguhan bayaran selama enam (6) bulan. Sebagai contoh: Ali mendapat moratorium bagi Bantuan Bayaran Pembiayaan Bersasar B40 selama 3 bulan bermula Januari 2021 sehingga Mac 2021. Namun, kediaman Ali telah dilanda banjir pada bulan Januari 2021. Ali telah memohon bantuan tambahan moratorium banjir dan telah diluluskan pada bulan Februari 2021. Tempoh Bantuan Moratorium Banjir 2021 yang layak diterima Ali adalah bermula dari Februari 2021 sehingga Julai 2021 (6 bulan).